

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Tambahan
Sidang Akademik 1999/2000**

April 2000

FIT 343.2 - Sistem Gastrousus dan Terapi

Masa : 2 jam

Kertas ini mengandungi **ENAM (6)** soalan dan 5 muka surat yang bertaip.

Jawab **LIMA (5)** soalan sahaja.

Semua soalan mesti dijawab di dalam Bahasa Malaysia.

...2/-

1. (A) Bincangkan faktor-faktor yang mengawal aktiviti pam pilorik.
(10 markah)

- (B) Bincangkan Lintasan Siklooksigenase dalam sintesis prostaglandin dan tromboksan. Juga terangkan prekursor-prekursor dan enzim-enzim yang terlibat, prostaglandin-prostaglandin dan tromboksan-tromboksan yang dihasilkan serta drug-drug yang boleh merencatkan proses-proses ini.
(10 markah)

2. (A) Terangkan proses penyerapan karbohidrat, lemak dan protein.
(10 markah)

- (B) Terangkan keperluan struktur bagi agen antagonis H₁ dan H₂. Bandingkan dengan struktur histamina.
(10 markah)

3. (A) Bincangkan proses perembesan asid hidroklorik dalam perut.
(5 markah)
- (B) Bincangkan faktor-faktor yang mengawal motiliti salur gastrousus.
(5 markah)
- (C) Bincangkan mekanisme tindakan laksatif Bisakodil (Ducolax[®]) dan penggunaannya dalam rawatan sembelit.
(5 markah)
- (D) Bincangkan kesan advers laksatif untuk rawatan sembelit dalam jangka masa panjang.
(5 markah)
4. (A) Bincangkan kesan histamina ke atas sistem-sistem vaskular, jantung, pernafasan dan sistem lain yang berkaitan.
(10 markah)
- (B) Terangkan secara umum pengubahsuaian yang dapat dilakukan terhadap struktur prostaglandin.
(10 markah)

5. (A) Seorang pelajar universiti MAA lelaki berumur 23 tahun telah pergi ke kedai Farmasi kerana masalah sembelit. Selepas menemubual pesakit MAA didapati beliau telah mengalami sembelit sejak 2 hari yang lalu. Pesakit ini juga tidak mengidap apa-apa penyakit serius atau kronik.
- (i) Senaraikan maklumat MAA yang perlu diketahui bagi membantu di dalam membuat pemilihan rawatan yang sesuai untuknya. (5 markah)
- (ii) Cadangkan **SATU (1)** rawatan drug untuk masalah sembelit MAA yang sesuai serta berikan rasionalnya. (5 markah)
- (B) Terangkan keperluan struktur am bagi agen antikolinergik dan mempunyai aktiviti antispasmodik. (10 markah)

...5/-

6. Seorang lelaki mengadu kepada Ahli Farmasi iaitu isterinya, SKK yang berumur 60 tahun mengalami lemah-lemah, keletihan akibat dari masalah diarea. Beliau juga memberitahu isterinya telah ke tandas sebanyak 4-6 kali pada hari ini dan najisnya berbentuk cecair. SKK juga mengambil rawatan antasid untuk masalah ulsernya dan antibiotik sejak semalam.
- (A) Senaraikan **EMPAT (4)** tanda-tanda atau simptom-simptom yang dialami oleh SKK dikaitkan dengan masalah diarea.
(2 markah)
- (B) Terangkan faktor-faktor yang berkemungkinan boleh mengakibatkan diarea ke atas SKK.
(5 markah)
- (C) Apakah maklumat tambahan tentang SKK yang perlu diketahui sebelum pemilihan rawatan dapat dicadangkan.
(4 markah)
- (D) Cadangkan rawatan tanpa drug untuk masalah diarea SKK.
(4 markah)
- (E) Cadangkan **SATU (1)** rawatan yang sesuai untuk SKK dan berikan rasionalnya.
(5 markah)

ooo000ooo